

SOAL JAWAB AGAMA

SATU SOLAT GANDA 270 KALI

Soalan 1:

Benarkah sebelum peristiwa Israk Mikraj Nabi SAW mengerjakan solat 50 kali sehari semalam. Kalau benar apakah nama solat tersebut?

Jawapan:

Tidak ada penjelasan daripada para ulamak yang mengatakan Rasulullah SAW solat wajib 50 waktu sebelum Israk Mikraj. Sepanjang yang saya ketahui sebelum itu Nabi SAW mengerjakan solat sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim a.s iaitu dua kali dalam sehari semalam, iaitu solat Subuh dan Maghrib.

Kemudian menerusi peristiwa Israk Mikraj Allah SWT mewajibkan sembahyang 50 waktu. Namun atas saranan Nabi Musa a.s solat yang 50 waktu itu digantikan dengan 5 kali sahaja meskipun pahalanya sama dengan 50 kali.

Memang sungguh berbahagia umat Islam yang mahu mengerjakan solat, kerana bila solat itu dilakukan sekali sahaja pahalanya dilipatgandakan 10 kali. Ini baru solat secara sendirian. Sedangkan jika dikerjakan secara berjemaah maka pahalanya menjadi $1 \times 10 \times 27 = 270$ kali solat.

Alangkah berbahagianya tetapi alangkah kesal serta dukacitanya hati bagi mereka yang membiarkan waktu solat berlalu begitu sahaja.

Sunat Makmum Wanita Sebut "Aamin"

Soalan 2:

Terdapat beberapa makmun wanita yang solat berjemaah dengan makmum lelaki, adakah mereka (jemaah wanita) masih juga dituntut menyebut "Aamin"?

Jawapan:

Ya, masih di sunatkan ke atas makmun wanita menyebut "Aamin" tetapi dengan suara yang rendah kerana suara wanita itu adalah "aurat" sebagaimana yang di sunatkan terhadap mereka agar merendahkan suara di dalam solat yang di sunatkan jahar (nyaring) sekiranya terdapat kaum lelaki.

Boleh Solat Lepas Asar dan Subuh

Soalan 3:

Di nyatakan bahawa seseorang itu dilarang melakukan solat sesudah solat (fardhu) Subuh dan Asar. Apakah larangan tersebut merupakan umum, dalam erti solat sunat atau solat wajib (solat jenazah misalnya) atau ada pengecualian? Dan terdapatkah perbezaan, misalnya kalau di Mekah diperbolehkan sedangkan di tempat lain tidak boleh?

Jawapan:

Dasar larangan tersebut dapat dilihat daripada hadis Rasulullah SAW bermaksud:-

"Tidak ada solat sesudah (solat) Subuh sehingga terbit matahari dan tidak ada solat sesudah (solat) Asar sehingga terbenam matahari" (HR Al Bukhari dan Muslim dari Abu Said Al-Khudri).

Dalam riwayat Al-Bukhari dari Aisyah dinyatakan bahawa Nabi SAW solat dua rakaat sesudah solat Asar di tempat tinggalnya. Yang diterangkan bahawa solat Nabi SAW itu adalah solat sunat Zuhur yang tertinggal. Dengan ini ulamak mengambil pendapat daripada hadis di atas bahawa yang menjadi larangan adalah solat sunat mutlak.

Apabila solat tersebut memiliki sebab-sebab tertentu seperti solat sunat Tahyatul Masjid (setiap kali masuk masjid), solat jenazah dan sejenisnya maka adalah diperbolehkan.